

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

AMP 300 - Penyelidikan Pemasaran

Tarikh : 27 Oktober 1988

Masa : 2.15 ptg. - 5.15 Ptg.
(3 jam).

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Anda merupakan seorang pelajar Universiti yang berjiwa usahawan. Memandangkan sudah lama tinggal di persekitaran USM, anda telah mengenalpasti peluang perniagaan baru yang mungkin diceburi selepas menerima ijazah kelak. Anda bercadang untuk membuka sebuah restoran dan menjadikan pelajar-pelajar USM dan Maktab Perguruan Gelugor sebagai populasi sasaran.

Apakah langkah-langkah yang perlu anda ambil untuk membolehkan suatu keputusan dapat dibuat sama ada sebuah restoran dapat diwujudkan?

(25 markah)

2. Data-data deskriptif bancian penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara dapat memberi gambaran sebenar mengenai ciri-ciri utama rakyat Malaysia. Anggapkan semua data dapat dibekalkan oleh Jabatan ini seperti yang dikehendaki, dapatkah anda memastikan faktor-faktor keesahan, kebolehpercayaan dan objektif penyelidikan terus wujud?

(25 markah)

...2/-

[AMP 300]

3. Syarikat CMZ bercadang mendapatkan sebuah ruangniaga di KOMTAR Pulau Pinang. Sebelum memutuskan jenis perniagaan, syarikat ini ingin mengetahui perlakuan pengguna semasa mengunjungi kompleks ini.

Bagaimanakah maklumat mengenai perlakuan pengguna dapat dikumpulkan dan suatu analisis mengenainya dapat dibuat?

(25 markah)

4. Sebuah Syarikat Pasaran Terus DC Sdn. Bhd. ingin memasarkan sejenis ramuan vitamin B untuk mengurangkan tekanan darah tinggi. Harga jualan untuk setiap botol yang mengandungi 30 pil ialah \$50.00. Telah dibuktikan bahawa seseorang yang mengidap penyakit darah tinggi akan perlahan-lahan menjadi sembuh setelah memakan pil tersebut dua kali sehari untuk jangkamasa satu tahun sekurang-kurangnya. Populasi sasaran yang dicadangkan ini ialah kakitangan akademik di Malaysia memandangkan mereka menggunakan daya mental yang berlebihan dan kurang perhatian diberi terhadap kesihatan diri.

Bincangkan sama ada anda perlu menggunakan pendekatan bancian atau persampelan bila mengutip data daripada populasi sasaran.

(25 markah)

5. "Penggunaan Komputer didapati telah menyenangkan analisis data yang dikutip untuk sesuatu penyelidikan pemasaran. Keadaan inilah yang membuat maklumat yang diperolehi daripada analisis tersebut menjadi kurang pentingnya jika dibandingkan dengan proses kutipan data."

Setujukah anda dengan pandangan di atas? Bincangkan.

(25 markah)

...3/-

[AMP 300]

6. Bincangkan jenis-jenis skel yang digunakan dalam kutipan data dan kesesuaiannya dengan kaedah-kaedah analisis data.

(25 markah)

--oooo000oooo--